



## LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

### SURAT PEKELILING CIDB BIL.4/2023

#### PEMAKLUMAN MENGENAI PENAMATAN PROGRAM LATIHAN & PENSIJILAN *TRAFFIC MANAGEMENT OFFICER (TMO)*

---

##### 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemain industri pembinaan mengenai penamatan oleh CIDB ke atas program latihan dan pensijilan *Traffic Management Officer (TMO)* di Pusat Latihan Bertauliah CIDB (PLB).

##### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa ini CIDB menjalankan dua program latihan dalam bidang pengurusan trafik iaitu *Traffic Management Officer (TMO)* dan *Construction Traffic Management Officer (CTMO)*. Kedua-dua program ini ditawarkan menerusi PLB yang diiktiraf CIDB yang terletak di seluruh Malaysia.

2.2 Melihat kepada situasi industri pembinaan semasa yang semakin mencabar dan berubah mengikut peredaran semasa, CIDB telah melaksanakan penilaian semula terhadap kedua-dua program tersebut. Lanjutan dari penilaian yang dijalankan, CIDB telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut :

- i. CIDB akan menggunakan pensijilan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) CTMO sahaja untuk mengiktiraf personel-personel binaan yang kompeten dalam bidang pengurusan trafik.
- ii. Program TMO akan ditamatkan dan tidak lagi ditawarkan oleh PLB.

### **3.0 PENERANGAN**

#### **3.1 Kualiti Program Latihan**

Program CTMO merupakan program kompetensi yang dilandaskan dengan standard kemahiran *Construction Industry Competency Standard Construction Traffic Management Officer (CICS CTMO)*.

Manakala program TMO pula, ianya tidak dilandaskan kepada mana-mana standard kemahiran. TMO merupakan program asas dan mendedahkan pesertanya dengan pengetahuan umum secara minima sahaja.

#### **3.2 Tempoh Latihan**

Tempoh latihan bagi program CTMO adalah selama 10 hari berdasarkan ketetapan CICS CTMO.

Program latihan TMO pula hanya dijalankan selama 4 hari sahaja.

#### **3.3 Perbezaan Pensijilan TMO dan CTMO**

SKKP merupakan satu-satunya pemerakuan yang dianugerahkan CIDB kepada personel binaan yang telah mencapai tahap kompetensi seperti yang ditetapkan.

Pemerakuan SKKP hanya boleh diperolehi bagi program-program latihan yang berlandaskan standard kemahiran yang diiktiraf CIDB. Program CTMO merupakan program yang berlandaskan *Construction Industry Competency Standard Construction Traffic Management Officer (CICS CTMO)*. Justeru itu, CIDB mengeluarkan SKKP kepada peserta yang mengikuti program CTMO dan lulus penilaian yang dijalankan.

Bagi program TMO pula, CIDB mengeluarkan Sijil Penyata Pencapaian kepada peserta-peserta yang mengikuti program ini.

## **4.0 PELAKSANAAN**

### **4.1 Tatacara Untuk Mendapatkan Pentauliahan Sebagai CTMO**

Bagi mendapatkan pentauliahan sebagai CTMO, personel binaan perlu mengikuti salah satu kaedah penilaian yang ditawarkan CIDB seperti berikut :

- i. Kaedah 1A - Latihan & Ujian
- ii. Kaedah 1B - Ujian Sahaja
- iii. Kaedah 2 - Temuduga

### **4.2 Pemegang Sijil Penyata Pencapaian TMO**

- i. Bagi pemegang Sijil Penyata Pencapaian TMO yang telah dikeluarkan sebelum ini, mereka perlu mengikuti program CTMO menerusi kaedah yang dinyatakan di Perkara 4.1.

## **5.0 TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 September 2023.

## 6.0 PERTANYAAN

Sebarang kemusykilan atau persoalan lanjut mengenai Surat Pekeliling ini boleh dirujuk kepada :

Pengurus Besar

Bahagian Penilaian & Pensijilan (BPP)

Sektor Personel Binaan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Level 35, Menara Dato' Onn,

World Trade Centre (WTC)

No.45 Jalan Tun Ismail,


50480 Kuala Lumpur

Tel : +603-4047 7305

Faks : +603-4047 7310

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BINA SEMPURNA"**



**(DATUK IR. AHMAD ASRI BIN ABDUL HAMID)**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh :       Julai 2023